

# ELEMEN ASAS PENSABITAN JENAYAH ‘SARIQAH’ DAN HUKUMANNYA MENURUT PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013

**THE FUNDAMENTAL ELEMENTS OF REQUIREMENTS AND CONDITIONS IN CONVICTING ‘SARIQAH’ AND ITS PUNISHMENT ACCORDING TO THE SYARIAH PENAL CODE ORDER, 2013**

Zurairatul Zakiah DSS Haji Rajid<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei,  
(E-mail: zurairah6006@gmail.com)

**Accepted date:** 30-10-2019

**Published date:** 15-1-2020

**To cite this document:** Zurairatul Z.Rajid (2019). Elemen Asas Pensabitan Jenayah ‘Sariqah’ dan Hukumannya Menurut Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(27), 26-38

**Abstrak:** Kertas kerja ini membincangkan elemen asas yang terdiri daripada rukun dan syarat yang perlu dipenuhi bagi mensabikan sesuatu kesalahan yang dianggap sebagai jenayah ‘sariqah’ dan seterusnya mencorakkan bentuk dan kadar hukumannya di dalam Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS, 2013). Sungguhpun pensabitan had<sup>1</sup> perlu memenuhi rukun dan syarat tertentu, namun salah tafsiran sebahagian masyarakat dalam memahami konsep ‘sariqah’ telah mengakibatkan hukuman had potong tangan ke atas pencuri dianggap sebagai hukuman yang zalim dan tidak berperikemanusiaan. Justeru, kertas kerja ini cuba membincangkan tiga perkara utama. Pertama, mengenal pasti peruntukan ‘sariqah’ yang berkaitan dengan rukun dan syarat di dalam PKHJS, 2013; kedua, menganalisis rukun dan syarat dalam peruntukan ‘sariqah’; dan ketiga merumus rukun dan syarat pensabitan jenayah ‘sariqah’ dan hukumannya dalam PKHJS, 2013. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dengan cara menganalisis kandungan peruntukan ‘sariqah’ yang berkaitan rukun dan syarat. Hasil kertas kerja ini menjelaskan kepentingan memahami elemen-elemen asas ini dengan baik selain menekankan bahawa peruntukan had ‘sariqah’ perlu memenuhi rukun dan syarat yang ketat sebelum disabitkan, walaupun tidak dinyatakan secara jelas.

**Kata kunci:** Rukun-Syarat- ‘Sariqah’-Had-PKHJS, 2013

<sup>1</sup> Had adalah kata mufrad bagi perkataan hudud yang dirumuskan ulama fiqh sebagai kesalahan jenayah yang dikenakan hukuman yang telah ditentukan dan merupakan hak Allah Subhanahu wa Ta’ala. (Mohd.Syukri Hanapi & Mohd Tajul Sabki Abdul Latib. 2003:76).

**Abstract:** This paper discusses the fundamental elements of requirements and conditions which needs to be fulfilled to convict a crime as ‘sariqah’(theft) in order to identify the appropriate punishments available in the Syariah Penal Code Order, 2013. Although hadd conviction needs to fulfil specific sets of requirements and conditions, the misinterpretation within the society in understanding the concept of sariqah has led to the depiction of hadd punishment e.g amputation of hand as cruel and inhumane. Thus, this paper aims to discuss three main issues. Firstly, to identify the provisions of sariqah in relation to its requirements and conditions in the SPCO, 2013, secondly, to analyse the requirements and conditions in the provisions of sariqah; and thirdly, to review the requirements and conditions of convicting the crime of sariqah and its punishments in the SPCO, 2013. This study uses library research by analysing the content of the provisions of sariqah related to the requirements and conditions. The finding of this research emphasizes on the significance of proper understanding on the fundamental elements, and stresses on the notion that hadd provisions of sariqah have a strict prerequisite and conditions which must be fulfilled before any conviction, although this is not expressed explicitly.

**Keywords:** Requirements-conditions-sariqah- had- SPCO, 2013

---

## Pengenalan

Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan undang-undang jenayah Islam melalui penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 (PKHJS, 2013) secara sepenuhnya bermula 3hb April 2019. Pengkanunnan perintah ini membuka ruang kepada mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman dalam bentuk *had*, *qisas*<sup>2</sup> dan *ta’zir*<sup>3</sup>. Kesalahan ‘sariqah’ yang memberi maksud perbuatan curi termasuk di bawah kesalahan yang boleh dikenakan hukuman *had*. Lafaz ini diambil daripada perkataan arab *saraq-yasriqu-saraqan wa sariqan* dan *sariqah* adalah kata nama kepada *sariqan*. Menurut PKHJS, 2013, ‘sariqah’ boleh dikenakan hukuman *had* seperti yang disebut dalam bab 52<sup>4</sup>, bab 55(1) dan 55(2). Hukuman *had* bagi kesalahan ‘sariqah’ seperti yang diperuntukkan dalam bab 55(1)<sup>5</sup> adalah dalam bentuk hukuman potong tangan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna hukuman ini akan dijatuhkan sewenangnya ke atas mana-mana pesalah curi, sebagaimana yang ditohmah oleh dunia luar khususnya golongan anti-hudud sehingga mendesak agar perundangan murni ini tidak dilaksanakan (Utusan online. 2hb April 2019. [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)). Namun, tujuan utama perintah ini dikanunkan adalah atas dasar Islamisasi perundangan untuk mendapat keredaan Allah *Subhanahu wa Ta’ala* (Pehin Hamid

---

<sup>2</sup> *Qisas* bermaksud jenayah yang dikenakan hukuman keseksian yang melibatkan nyawa manusia dan kecederaan anggota badan. Hukuman *qisas* meliputi hukuman bunuh, mencederakan anggota badan, diyat dan ganti rugi. (Mohd.Syukri Hanapi & Mohd Tajul Sabki Abdul Latib. 2003:218).

<sup>3</sup> *Ta’zir* bermaksud hukuman yang dikenakan ke atas setiap tindakan maksiat yang tidak ditentukan hukuman *had* atau *qisas* padanya dan tidak ada juga hukuman *kaffarah*, sama ada tindakan maksiat itu terhadap Allah *Subhanahu wa Ta’ala* atau hak manusia (Mohd.Syukri Hanapi & Mohd Tajul Sabki Abdul Latib. 2003:277).

<sup>4</sup> 52(1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, “*hadd*” bermakna hukuman atau seksaan yang telah ditetapkan oleh Al-Qur'an atau Sunah Rasulullah *Sallallahu ’Alaihi Wasallam* bagi kesalahan *sariqah*, *hirabah*, *zina*, *qazaf*, meminum minuman yang memabukkan dan *irtidad*.

<sup>5</sup> Bab 55(1) yang memperuntukkan hal keadaan yang berkaitan dengan perbuatan *sariqah* yang boleh dikenakan hukuman *had* potong tangan berserta kaedah pembuktian yang diperlukan dan tingkat hukuman *had* yang dikenakan bagi kesalahan pertama, kedua dan seterusnya. Bab 55(2) pula memperuntukkan hal keadaan yang berkaitan dengan perbuatan *sariqah* yang dilakukan secara berkumpulan yang boleh sabit dengan hukuman *had* sebagaimana yang disebut dalam bab 55(1).

Bakal. 2011:2), selain berusaha untuk menegakkan keadilan sebenar yang mengutamakan pemeliharaan kemaslahatan manusia sejagat (Pehin Salim. 2017:7).

Justeru, peruntukan ‘sariqah’ di dalam PKHJS, 2013 itu sendiri mengandungi elemen-elemen asas yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu kesalahan curi dianggap sebagai ‘sariqah’ dan seterusnya disabitkan hukuman *had* atau *ta’zir*. Elemen asas ini terdiri daripada rukun dan syarat sesuatu perbuatan jahat. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan tiga fokus utama iaitu pertama, mengenal pasti peruntukan berkaitan rukun dan syarat ‘sariqah’. Kedua, menganalisis rukun dan syarat ‘sariqah’ bersandarkan perspektif syara’, dan ketiga merumus rukun dan syarat ‘sariqah’ yang terdapat di dalam PKHJS, 2013. Kajian melibatkan analisis peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Perintah khususnya peruntukan berkaitan kesalahan ‘sariqah’ selain memperincikan peruntukan-peruntukan ini dengan pendapat para ulama fiqh muktabar berkaitan ‘sariqah’.

### **Kajian literatur**

Jenayah ‘sariqah’ merupakan salah satu jenayah yang menggangu ketenteraman awam kerana ia melibatkan kehilangan harta individu, masyarakat atau negara. Harta adalah satu daripada lima perkara yang dianggap sebagai keperluan vital dalam kehidupan, dan kerana itu terdapat penulisan meluas berkaitan jenayah ini antaranya dari sudut perundangan syara’ dan sebahagian lagi dari sudut perundangan negara. Dalam karya Abdul Qadir Audah (1997), Wahbah Zuhaili (1997), Ahmad Fathi Bahnasi. (1983), Ahmad Taufik al-Ahwal. (1984), Mat Saad Abd.Rahman. (2005) dan Paizah Haji Ismail. (2008) antaranya menjelaskan secara komprehensif berhubung jenayah ‘sariqah’ meliputi rukun, syarat, pembuktian dan hukumannya dari sudut perundangan syara’.

Manakala Hajah Ummi Kulsum binti Haji Muhd Nor dalam disertasi Sarjana Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali 2010, bertajuk, “*al-Sariqah fi al-Syariah al-Islamiyyat Dirasat Muqaranah bi al-Qanun al-Jinaie Brunei Darussalam*” dan Dk Nur Ainan binti Pengiran Besar dalam disertasi Sarjana Muda Syariah, Universiti Brunei Darussalam 2000, bertajuk: “*Uqubah al-Sariqah: Dirasat Muqaranah Bayna al-Syariah al-Islamiyyat wa al-Qanun al-Burunawi*” membincangkan berkaitan jenayah ‘sariqah’ di Brunei sebelum kewujudan PKHJS, 2013 dan artikel Hanan Abdul Aziz dan Ahmad Abdussalam Abdul Rahman, 30hb November - 01 Disember 2013, dengan tajuk: “Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal” pula menghuraikan perkembangan pelaksanaan perundangan jenayah Islam di Brunei dari era Hukum Kanun Brunei sehingga pelaksanaan PKHJS, 2013. Penulisan-penulisan ini banyak membantu dari sudut memahami konsep rukun dan syarat ‘sariqah’ dari sudut syara’ selain dapat memahami bentuk peruntukan jenayah curi atau ‘sariqah’ di Brunei Darussalam. Oleh itu, kajian ini akan cuba membincangkan secara spesifik aspek rukun dan syarat ‘sariqah’ di dalam PKHJS, 2013 dengan pengukuhan daripada pendapat ulama-ulama fiqh.

### **Pembahagian Rukun Dan Syarat ‘Sariqah’ Menurut PKHJ, 2013**

Rukun merupakan bahagian daripada hakikat sesuatu perkara, sedangkan syarat adalah sesuatu yang di luar daripada sesuatu perkara. Menurut syara’ jika salah satu rukun jenayah tidak terpenuhi, maka akan memberi kesan kepada sesuatu perbuatan tidak dianggap jenayah sempurna dan memungkinkan tertuduh diberi kebebasan (Abdul Qadir Audah. 1997.1:214-215). Manakala syarat, jika ianya tidak ada atau tidak terpenuhi akan memberi kesan terhadap perubahan bentuk hukuman walaupun jenis jenayah masih sama. Apa yang jelas, kewujudan sesuatu hukum bergantung kepada kewujudan rukun dan syarat, dan setiap rukun lazimnya

mempunyai syarat-syarat tertentu yang mempengaruhi bentuk hukum sesuatu perkara (Abdul Karim Zaidan. 1998:59).

Dalam konteks jenayah ‘sariqah’, ulama berbeza pendekatan dalam membahagikan rukun ‘sariqah’. Sebahagiannya berpendapat ‘sariqah’ mempunyai tiga rukun<sup>6</sup> dan sebahagian lain lagi berpendapat ia terbahagi kepada empat<sup>7</sup> rukun iaitu perbuatan mengambil secara sembunyi, niat jahat, harta dan milik orang lain. Secara ringkasnya, rukun dan syarat pensabitan jenayah ‘sariqah’ menurut syara’<sup>8</sup> meliputi perkara-perkara yang disebut di dalam jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Rukun Dan Syarat Menurut Syara’**

Rukun	Syarat
Perbuatan mengambil harta secara sembunyi-sembunyi	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbuatan mengeluarkan harta daripada <i>hirz</i></li> <li>2. Perbuatan menyebabkan perlucuthakkan kawalan pemilik terhadap harta</li> <li>3. Perbuatan menyebabkan pemindahan kawalan harta ke atas pencuri</li> </ol>
Harta alih	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai nilai mutlak dari segi syara’</li> <li>2. Bukan harta remeh dan cepat rosak</li> <li>3. Dalam keadaan <i>muhriz</i></li> <li>4. Cukup <i>nisab</i></li> </ol>
Pemilik/ Mangsa	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mangsa/ Pemilik mempunyai kuasa sah ke atas harta</li> <li>2. Aduan dilakukan berkenaan kehilangan dan pengesahan hak milik barang</li> </ol>
Niat jahat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pencuri tahu dan sedar perbuatan salah</li> <li>2. Niat untuk memiliki dan seterusnya melucuthakkan kawalan pemilik terhadap harta</li> </ol>

(Sumber: Abdul Qadir ‘Audah. (1997))

Rukun-rukun ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pensabitan sesuatu perbuatan mengambil harta dianggap sebagai jenayah ‘sariqah’ yang sempurna. Setiap rukun ‘sariqah’ juga lazimnya disertai dengan syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi sebelum disabitkan dengan hukuman *had*. Syarat-syarat ini sebahagiannya berkaitan dengan satu rukun tertentu dan sebahagiannya lagi ada yang berkaitan lebih daripada satu rukun seperti nilai *nisab* dan *hirz*<sup>9</sup>. Perbincangan selanjutnya akan mengenal pasti peruntukan-peruntukan yang

<sup>6</sup> Sila lihat: Khatib al-Sharbini (t.t:481), dan Abdul Karim Zaidan (2012:206).

<sup>7</sup> Sila lihat: Abdul Qadir ‘Audah. (1997:518) dan Wahbah Zuhaili. (2004:5341).

<sup>8</sup> Untuk melihat perbincangan lanjut berkenaan rukun dan syarat ‘sariqah’ menurut mazhab empat, sila lihat Abdul Qadir ‘Audah. (1997), Wahbah Zuhaili. (2004), Mat Saad Abd. Rahman. (2005), Paizah Haji Ismail (2008), dan Abdul Karim Zaidan (2012).

<sup>9</sup> *Hirz* bermaksud tempat atau alat yang selamat dan sesuai untuk menyimpan barang-barang berharga menurut syarak daripada dicuri. Salah satu daripada syarat pensabitan *had* ‘sariqah’ ialah harta dalam keadaan *muhriz* atau berada di dalam *hirz* (tempat simpanan yang selamat). Sila lihat: Mohd.Syukri Hanapi & Mohd Tajul Sabki Abdul Latib. (2003:73-76).

mengandungi elemen rukun ‘sariqah’ beserta syaratnya di dalam PKHJS, 2013<sup>10</sup> serta analisis peruntukan ini menurut perspektif syara’.

### **Rukun Dan Syarat Perbuatan Mengambil Harta Secara Sembuni-Sembuni Perbuatan memindah secara sembuni dalam PKHJS, 2013**

Rukun pertama ‘sariqah’ iaitu perbuatan mengambil harta secara *khufyah* atau sembuni-sembuni dikenali ulama sebagai rukun *al-madi*<sup>11</sup> yang membezakan kesalahan ‘sariqah’ dengan kesalahan mengambil harta orang lain secara tidak hak seperti rugut, copet, rompak, pecah amanah, khianat, dan sebagainya. Elemen sembuni merangkumi keadaan pemilik barang atau mangsa tidak mengetahui berlaku perbuatan ‘sariqah’ dan ia tidak merelakan perbuatan tersebut. Termasuk dalam konteks ini ialah tidak ada berlaku penyerahan barang kepada pencuri atau barang tersebut bukan di bawah jagaan atau kawalan pencuri sejak awal lagi (Ahmad Fathi Bahnasi. 1983:18, Abdul Qadir Audah. 1997:518). Rukun dan syarat perbuatan sembuni di dalam PKHJS, 2013 boleh dilihat seperti jadual 2 di bawah:

**Jadual 2: Rukun dan syarat perbuatan sembuni-sembuni**

<b>Rukun</b>	<b>Syarat</b>
Bab 53 Definisi (Perbuatan sembuni...): “sariqah” bermakna suatu <b>perbuatan memindah dengan cara sembuni-sembuni</b> harta alih daripada <i>hirz</i> atau milikan tuan punyanya tanpa persetujuannya dan perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak melucuthakkan harta itu daripada <i>hirz</i> atau milikan tuan punyanya.	Bab 53 a. Memindah daripada <i>hirz</i> b. Tanpa persetujuan c. Melucuthakkan harta daripada <i>hirz</i> dan milikan tuan punyanya: “sariqah” bermakna suatu <b>perbuatan memindah dengan cara sembuni-sembuni</b> harta alih <b>daripada hirz</b> atau milikan tuan punyanya <b>tanpa persetujuannya</b> dan perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak <b>melucuthakkan harta itu daripada hirz atau milikan tuan punyanya</b> .
Bab 59 Percubaan melakukan ‘sariqah’ (Rukun <i>al-Madi</i> ): Mana-mana orang yang <b>cuba melakukan sariqah</b> atau <b>cuba untuk menyebabkan berlakunya sariqah</b> adalah....	Bab 55(2) Perbuatan memindah daripada <i>hirz</i> secara berkumpulan: Mana-mana <i>mukallaf</i> yang melakukan <i>sariqah</i> secara berkumpulan dan jumlah nilai harta yang dicuri jika dibahagi rata antara mereka yang memasuki <i>hirz</i> , masing-masing mendapat jumlah sampai, atau melebihi <i>nisab</i> , sama ada atau tidak <b>setiap seorang dari mereka memindah harta sariqah itu atau sebahagian daripadanya</b> ...

<sup>10</sup> Istilah-istilah perundangan dalam artikel ini sebahagiannya ditandai dengan *italic* atau pendakap tanda kurung (braket), yang menunjukkan ejaan berdasarkan ejaan transliterasi antarabangsa. Manakala sebahagian istilah lain lagi hanya ditandai dengan *italic* tetapi tidak mengikut ejaan transliterasi antarabangsa kerana menggunakan ejaan yang termaktub dengan rasmi dalam PKHJS, 2013 dan statut-statut berkaitan yang lain contoh: *hadd*, *mukallaf* dan sebagainya.

<sup>11</sup> Menurut syara’, mana-mana jenayah perlu memenuhi tiga rukun umum iaitu: rukun *al-syarie* (perundangan), rukun *al-madi*, dan rukun *al-adabi* (kelayakan memikul liabiliti jenayah). Rukun al-Madi lebih dikenali sebagai *actus reus* dalam istilah perundangan dan merangkumi apa-apa tindakan kesalahan seperti kesalahan lengkap, percubaan, pakat jenayah, dan subahat. Sila lihat: Paizah Haji Ismail (2008:13-32).

<p>Bab 60</p> <p>Subahat melakukan ‘sariqah’ (Rukun al-Madi):</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(1) Mana-mana orang yang <b>bersubahat melakukan sariqah</b> di bawah bab 55(1)...</li> <li>(2) Mana-mana orang yang <b>bersubahat melakukan sariqah</b> di bawah bab 55(3)...</li> </ul>	<p>Bab 57</p> <p>Perkiraan nilai <i>nisab</i> bagi perbuatan memindah yang dilakukan dalam keadaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. <i>Hirz</i> sama tapi masa yang berbeza</li> <li>b. <i>Hirz</i> berlainan tapi pada masa yang sama:</li> </ul> <p>Jika <i>sariqah</i> dilakukan dari <b><i>hirz yang sama lebih dari satu urusan, atau sariqah dilakukan lebih dari satu hirz</i></b>, dan nilai harta <i>sariqah</i> dalam setiap kes kurang dari <i>nisab</i>, maka ia bukan <i>sariqah</i> yang boleh dikenakan hukuman <i>hadd</i> walaupun nilai harta yang terlibat dalam semua kes sampai kepada atau melebihi <i>nisab</i>.</p>
--	---

(Sumber: PKHJS, 2013)

Peruntukan ‘sariqah’ di dalam PKHJS, 2013 menjelaskan tiga bab berkaitan rukun *al-madi* iaitu perbuatan lengkap ‘sariqah’ di dalam bab 53, perbuatan ‘sariqah’ yang tidak sempurna dalam bab 59 iaitu kesalahan percubaan melakukan ‘sariqah’ dan bab 60 iaitu kesalahan subahat melakukan ‘sariqah’. Perbuatan lengkap ‘sariqah’ seperti yang dinyatakan dalam bab 53 boleh dikenakan *had* jika memenuhi tiga syarat perbuatan sembunyi iaitu perbuatan memindah harta daripada *hirz* (tempat simpanan harta), perbuatan itu menyebabkan hilang kawalan pemilik terhadap harta dan berpindah kawalan harta ke atas pencuri. Syarat-syarat ini jelas dapat dilihat dalam peruntukan bab 53 berkenaan definisi ‘sariqah’ dan bab 55(2) kesalahan bagi perbuatan ‘sariqah’ berkumpulan. Kesempurnaan perbuatan memindah secara sembunyi juga terikat dengan syarat lain seperti kedudukan *hirz* dan nilai *nisab* yang boleh memberi kesan terhadap perubahan bentuk hukuman daripada *had* kepada *ta’zir* seperti dijelaskan dalam bab 57. Wahbah Zuhaili (1997:5437) menjelaskan pengiraan nilai *nisab* bagi kes ‘sariqah’ yang dilakukan dalam *hirz* yang sama tetapi dalam masa yang berbeza, akan dikira secara berasingan (kes berlainan) dan begitu juga dalam kes ‘sariqah’ melibatkan *hirz* yang berbeza-beza dalam satu masa. Oleh itu, dalam kedua hal ini, *had* tidak akan dikenakan jika nilai *nisab* tidak mencukupi bagi setiap kes yang berasingan.

Di samping itu, mana-mana perbuatan mengambil secara sembunyi yang tidak dilakukan dengan sempurna kerana tertangkap misalnya, masih dianggap sebagai kesalahan di bawah kesalahan percubaan melakukan ‘sariqah’ dalam bab 59 dan begitu juga kesalahan disebabkan terlibat menyempurnakan perbuatan ‘sariqah’ seperti menghasut, mengambil bahagian atau memberikan bantuan diperuntukkan di bawah bab 60. Kedua kesalahan ini masih dinamakan sebagai ‘sariqah’ kerana rukun *al-madi* masih wujud iaitu perbuatan dilakukan secara sembunyi, tetapi bukan dalam rupa bentuk ‘sariqah’ sempurna dan hanya akan dikenakan hukuman berbentuk *ta’zir* (Abdul Qadir Audah. 1997:532-533 & 635-637). Perbuatan memindah secara sembunyi juga berkait rapat dengan rukun kedua iaitu harta alih yang memberi maksud harta yang boleh dipindah-pindah seperti dijelaskan dalam perbincangan selanjutnya.

### Rukun Dan Syarat Harta Alih

Peruntukan ‘sariqah’ dalam PKHJS, 2013 menetapkan rukun kedua iaitu harta curi perlu dalam bentuk harta alih sebagaimana dijelaskan dalam bab 53. Harta alih bererti sesuatu harta itu bersifat boleh dialih atau menerima pemindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain kerana sesuatu perbuatan ‘sariqah’ pasti melibatkan perbuatan memindah dan mengalih barang

curian daripada *hirz* sehingga menyebabkan perubahan kawalan harta daripada pemilik asal kepada pencuri. Kesemua ini tentunya memerlukan harta bersifat alih (Ibn Abidin.2011). Ahmad Taufik al-Ahwal (1984:145) menambah sifat boleh alih sesuatu harta tidak semestinya secara semula jadi tetapi juga merangkumi peralihan harta disebabkan perbuatan mengalih oleh pencuri atau pemilik harta, walaupun pada asalnya harta itu bersifat tidak alih. Harta alih yang dicuri juga terikat dengan syarat-syarat tertentu seperti dijelaskan dalam jadual 3 seperti berikut:

**Jadual 3: Rukun Dan Syarat Harta Alih Menurut PKHJS, 2013**

Rukun	Syarat
Bab 53 Perbuatan memindah dengan cara sembunyi <b>harta alih</b>	<p>Bab 53</p> <p>-Pindah harta alih daripada <i>hirz</i>: “<i>sariqah</i>” bermakna suatu perbuatan <b>memindah</b> dengan cara sembunyi-sembunyi harta alih <b>daripada hirz</b> atau milikan tuan punyanya..</p> <p>-Definisi <i>hirz</i> “<i>hirz</i>” bermakna penjagaan terhadap sesuatu harta menurut kesesuaianya berdasarkan kepada Hukum Syara”</p>
Bab 54	<p>Nilai <i>nisab</i> harta yang dikenakan <i>had</i>:</p> <p><b>Kadar nisab bagi sariqah yang dikenakan hukuman hadd</b> ialah 1 dinar (4.25 gram emas) atau menyerupai nilai mata wang tempatan pada masa <i>sariqah</i> dilakukan.</p>
Bab 55(1)	<p>Harta perlu cukup atau melebihi nilai untuk dikenakan <i>had</i>:</p> <p>Mana-mana orang yang melakukan <i>sariqah</i>, yang <b>jumlah nilai harta sampai atau melebihi nisab</b>...dikenakan hukuman <i>hadd</i>...</p>
Bab 55(2)	<p>Perkiraan nilai <i>nisab</i> bagi ‘<i>sariqah</i>’ berkumpulan dibahagi sama rata antara mereka yang memasuki <i>hirz</i>:</p> <p>Mana-mana <i>mukallaf</i> yang melakukan <i>sariqah</i> secara berkumpulan dan jumlah nilai harta yang dicuri jika dibahagi rata antara <b>mereka yang memasuki hirz</b>, masing-masing mendapat jumlah <b>sampai, atau melebihi nisab</b>, sama ada atau tidak setiap seorang dari mereka memindah harta <i>sariqah</i> itu atau sebahagian daripadanya...</p>
Bab 56	<p><i>Had</i> tidak dikenakan kerana syarat harta tidak sempurna.</p> <p>56(a) dan (j): nilai <i>nisab</i> tidak cukup</p> <p>56(c) harta tidak dalam keadaan <i>muhriz</i></p> <p>56(e) dan (f): harta tidak bernilai, boleh didapati dengan banyak di merata tempat atau daripada jenis harta mudah musnah</p>

(Sumber: PKHJS, 2013)

Salah satu syarat harta alih dalam ‘*sariqah*’ ialah harta perlu dalam keadaan selamat atau dalam keadaan *muhriz* ketika berlaku ‘*sariqah*’ seperti disebut dalam bab 53. Peruntukan ini turut menyerahkan para hakim untuk berijtihad dalam menilai bentuk dan batasan sesuatu untuk dianggap sebagai *hirz* berdasarkan Hukum Syara’. Ulama dalam hal *hirz* telah membincangkan secara meluas serta mempunyai pelbagai pendapat disebabkan aras penentu bentuk dan sifat *hirz* itu sendiri adalah *urf*, dan tidak hairan ia membawa kepada kewujudan berbagai-bagai pendapat ulama. Justeru, amat wajar peruntukan *hirz* dalam bab ‘*sariqah*’ tidak di spesifikasi dalam bentuk dan sifat tertentu. Selain itu, mana-mana harta yang tidak dalam keadaan selamat

atau terjaga berdasarkan ijтиhad para hakim, tidak akan dikenakan *had* seperti dinyatakan dalam bab 56(c).

Syarat seterusnya yang tidak kurang penting berkait rapat dengan harta alih serta rukun-rukun ‘sariqah’ yang lain ialah nilai *nisab* harta. Bagi membolehkan hukuman *had* dikenakan ke atas pesalah, bab 55(1) menetapkan nilai harta perlu mencapai atau melebihi *nisab* 1 dinar bersamaan 4.25 gram emas atau nilai mata wang tempatan ketika berlaku ‘sariqah’ seperti dijelaskan dalam bab 54. Hal ini menjelaskan peruntukan memilih pendapat mazhab Hanafi dari sudut nilai *nisab* berbanding Jumhur ulama yang menetapkan kadar 1/4 dinar, iaitu jumlah yang lebih sedikit namun menggambarkan kemungkinan sabit hukuman *had* adalah lebih mudah berbanding pendapat mazhab Hanafi. Tetapi dalam hal waktu penilaian kadar *nisab*, peruntukan menetapkan penilaian kadar *nisab* adalah pada ketika berlaku kejadian ‘sariqah’ dan bukan pada waktu selainnya. Peruntukan ini adalah selaras dengan pendapat jumhur ulama (Mazhab Maliki, Syafi’i, Hanabilah dan Muhammad) yang menggariskan waktu penilaian kadar *nisab* ketika proses mengeluarkan barang daripada *hirz* (al-Kasani.1996: 114-115). Di samping itu, bagi ‘sariqah’ secara berkumpulan, pengiraan nilai *nisab* adalah tertakluk kepada mereka yang memasuki *hirz* dan jumlahnya dibahagi sama rata dalam kalangan mereka. Peruntukan ini selaras dengan apa yang diutarakan mazhab Hanafi yang mensyaratkan mana-mana orang melakukan secara berkumpulan yang boleh disabitkan *had* adalah dilihat pada mereka yang memasuki *hirz* secara mutlak sama ada mereka ikut serta mengeluarkan harta daripada *hirz* atau tidak, selama mana nilai *nisab* setiap mereka adalah cukup atau melebihi nilai *nisab* (Abdul Qadir Audah.1997:534). Oleh yang demikian, mana-mana nilai harta kurang daripada *nisab* tidak boleh dikenakan hukuman *had* seperti termaktub dalam bab 56(a) dan (j).

Selain itu, peruntukan dalam bab 56(e) dan (f) menyatakan *had* tidak boleh dikenakan jika sesuatu harta curi itu tidak mempunyai nilai syara’, atau daripada harta yang tidak dianggap bernilai kerana boleh didapati dengan banyaknya atau daripada jenis harta yang mudah musnah. Peruntukan 56(e) selaras dengan pendapat mazhab Hanafi yang menganggap sesuatu harta sebagai sesuatu yang mulia dan dianggap penting oleh manusia bersandarkan hadis riwayat Saidatina Aisyah *Radhiallahu anha* yang menjelaskan pada zaman Rasulullah *Sallallahu alaihi wasallam* had potong tangan tidak dikenakan bagi kesalahan mencuri harta remeh (Wahbah Zuhaili. 1997: 5433). Jumhur ulama sebaliknya menggariskan tiga elemen untuk menentukan harta bernilai iaitu ia boleh dimiliki, boleh dijual dan boleh diganti rugi jika berlaku kerosakan (Ibn Rushd.2013:415, Khatib al-Sharbini. T.t: 488. Ibn Qudamah.2011:243).

### **Rukun Dan Syarat Pemilik harta/ Mangsa**

Rukun ketiga ‘sariqah’ iaitu pemilik harta atau mangsa memberi maksud orang yang diambil harta miliknya tanpa kerelaannya. Syarat-syarat rukun ini di dalam PKHJS, 2013 adalah selaras dengan memenuhi dua syarat yang digariskan syara’ iaitu pemilik mempunyai hak ke atas harta seperti dalam bab 53 dan wujud aduan daripada mangsa atau pemilik harta mengenai pengesahan pemilikan harta dan dakwaan kehilangan harta seperti disebut dalam bab 55(1) yang dijelaskan dalam jadual 4 di bawah:

**Jadual 4: Rukun Dan Syarat Pemilik Harta/ Mangsa Dalam PKHJS, 2013**

<b>Rukun</b>	<b>Syarat</b>
Bab 53 Definisi: “sariqah” bermakna suatu perbuatan memindah dengan cara sembunyi-sembunyi harta alih daripada <i>hirz</i> atau milikan <b>tuan punyanya</b> tanpa persetujuannya dan perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak melucuthakkan harta itu daripada <i>hirz</i> atau milikan tuan punyanya.	Bab 53 Pemilik ada hak kepemilikan atas harta milikan tuan punyanya: “sariqah” bermakna suatu perbuatan memindah dengan cara sembunyi-sembunyi harta alih daripada <i>hirz</i> atau <b>milikan</b> tuan punyanya tanpa persetujuannya dan perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak melucuthakkan harta itu daripada <i>hirz</i> atau <b>milikan</b> tuan punyanya.
	Bab 55(1) Wujud aduan barang dimiliki mangsa dicuri; Pembuktian had diperlukan keterangan mangsa: Mana-mana orang yang melakukan <i>sariqah</i> , yang jumlah nilai harta sampai atau melebihi <i>nisab</i> dan <i>sariqah</i> itu dibuktikan sama ada dengan <i>ikrar</i> tertuduh atau dengan <i>syahadah</i> sekurang-kurangnya dua orang <i>syahid</i> menurut <i>Hukum Syara'</i> selain <b>keterangan mangsa</b> ....
	Bab 56 Syarat pemilik/ mangsa tidak sempurna: 56(d) pencuri ada hak kepemilikan tapi belum sepenuhnya 56(g) pencuri lakukan <i>sariqah</i> untuk ambil haknya (hutang) 56(i) Curi kalangan keluarga/suami isteri 56(o) Harta milik bersama/Harta awam

(Sumber: PKHJS, 2013)

Bab 53 memperuntukkan sesuatu harta curi perlu mempunyai pemilik asal yang mempunyai hak autoriti terhadap harta tersebut. Menurut syara' pemilik barang perlu mempunyai tangan (kuasa) yang sah ke atas harta sama ada secara hakiki iaitu pemilik sebenar, atau secara *ta'wil* dan syubhab seperti penjaga harta *wadi'ah*, peminjam, pemberi hutang, dan sebagainya. (Wahbah Zuhaili. 1997:5455). Justeru, syarat pemilik atau mangsa dianggap tidak sempurna jika pencuri mempunyai hak ke atas harta walaupun belum secara sepenuhnya seperti dalam bab 56(d), pencuri melakukan ‘sariqah’ sebagai bayaran hutang tertunggak seperti dalam bab 56(g), atau ‘sariqah’ yang dilakukan dalam kalangan suami isteri atau anak dan ibu bapa seperti dalam bab 56(i), kerana terdapat unsur syubhab dari sudut ke pemilikan.

Syarat kedua iaitu adanya aduan kehilangan barang oleh pemilik harta seperti yang dijelaskan di dalam peruntukan 55(1) adalah sejajar dengan pendapat jumhur ulama, yang menetapkan bahawa aduan perlu dilaporkan oleh pemilik atau wakilnya untuk mengesahkan hak milik barang curi dan barang itu bukan harta mubah atau tiada pemilik (Ibn Humam. t.t:400. Al-Ramli. 1292H:463). Oleh itu, hukuman *had* tidak dapat disabitkan ke atas pencuri jika mangsa tidak membuat sebarang aduan seperti diperuntukkan dalam bab 55 (1), dan begitu juga halnya

dalam keadaan harta yang dicuri adalah harta untuk faedah orang awam seperti dalam bab 56(o).

### **Rukun Dan Syarat Niat Jahat**

Niat jahat atau lebih dikenali dalam istilah perundangan sebagai *mens rea* merujuk pada matlamat dan tujuan sebenar sesuatu perbuatan dilakukan seperti mana dijelaskan dalam bab 53. Niat jahat melakukan ‘sariqah’ meliputi hasrat untuk melucutahkan harta daripada *hirz* atau kawalan pemilik asal. Dua syarat yang berkaitan dengan rukun ini ialah pertama, pencuri tahu harta itu milik orang lain dan diambil tanpa pengetahuan dan kerelaan pemiliknya. Syarat kedua pula menghendaki pencuri berhasrat untuk melucutahkan harta daripada kawalan pemilik asal. Rukun niat jahat dan syarat-syaratnya yang terkandung di dalam PKHJS, 2013 dapat dilihat di dalam jadual 5 berikut:

**Jadual 5: Rukun Dan Syarat Niat Jahat Dalam PKHJS, 2013**

<b>Rukun</b>	<b>Syarat</b>
Bab 53 Definisi: “sariqah” bermakna suatu perbuatan memindah dengan cara sembunyi-sembunyi harta alih daripada <i>hirz</i> atau <b>milikan tuan punyanya tanpa persetujuannya</b> dan perbuatan itu dilakukan <b>dengan niat</b> hendak melucutahkan harta itu daripada <i>hirz</i> atau milikan tuan punyanya.	Bab 53 Hasrat untuk kawal harta melalui kepemilikan ---hendak melucutahkan harta daripada <i>hirz</i> ..  Bab 56 Niat tidak sempurna kerana tidak cukup syarat: 56(b) Pencuri bukan <i>mukallaf</i> 56(d) Pencuri mengambil harta untuk ambil hak milik walau belum miliki sepenuhnya 56(g) Pencuri ambil hak (hutang) 56(h) Keadaan terdesak 56(i) Pencuri ambil hak (nafkah dll) 56(o) Pencuri guna hak kerana harta itu harta awam

(Sumber: PKHJS, 2013)

Rukun keempat disebut secara terang dalam bab 53 dengan lafaz “dengan niat”, manakala syarat pertama pula boleh dilihat dalam bab 53 yang menjelaskan pelaku *sariqah* berniat melucutahkan harta daripada *hirz* dalam keadaan ia mengetahui harta berkenaan bukan miliknya kerana disebut “mengambil harta daripada *hirz* dan milikan tuan punya tanpa pengetahuannya..”. Walaupun pencuri berniat mengambil harta orang lain secara tidak sah, tetapi jika pencuri tahu dan meneruskan perbuatannya atas dasar untuk mendapatkan hak atau faedah terhadap barang tersebut, perbuatannya tidak dianggap ‘sariqah’ yang sempurna kerana berlaku *syubhah* hak seperti bayaran hutang, harta milik pencuri, hak nafkah, harta wakaf dan sebagainya seperti diperuntukkan dalam bab 56 (d), (g), (i), dan (o). Rukun keempat ini sebenarnya berkait rapat dengan rukun *al-adabi* iaitu salah satu rukun umum jenayah yang melazimkan pelaku jenayah mempunyai sifat-sifat lengkap bagi menanggung sesuatu liabiliti jenayah. Ketiadaan sifat yang melengkapi rukun *al-adabi* iaitu taklif (baligh dan berakal) yang menjadikan pelaku menyedari tindakannya (al-Idrak) dan mempunyai pilihan (al-Ikhtiar), akan mengakibatkan syarat niat jahat tidak sempurna dan seterusnya berlaku *syubhah* atau keraguan pada niat melakukan jenayah (Paizah Ismail. 2008:31) sehingga hukuman had potong tangan tidak boleh dikenakan. Hal ini dijelaskan dalam bab 56(b) iaitu mana-mana ‘sariqah’ dilakukan kanak-kanak dan orang tidak berakal tidak dikenakan *had* kerana wujud *syubhah* dalam niat jahat mereka.

‘Sariqah’ yang dilakukan kerana desakan kebuluran atau keperluan diri seperti dalam bab 56(h) tidak boleh dikenakan had kerana niat mengambil milik orang lain bukan untuk melucutahkan kawalan pemilik asal, tapi lebih kepada unsur keperluan asasi diri pencuri. Hal ini disandarkan dengan kaedah fiqhiyyah yang bermaksud keadaan darurat mengharuskan perbuatan yang ditegah. Tetapi, syara’ sendiri mensyaratkan keharusan ini terikat mengikut kadar keperluan yang betul-betul untuk menyelamatkan diri daripada kematian sahaja. Justeru, jika seorang yang kebuluran bertindak melakukan ‘sariqah’ untuk mengenyangkan dirinya secara berlebihan masih boleh dikenakan hukuman had tertakluk kepada syarat-syarat yang lain (Abdul Qadir Audah. 1997:580-581).

#### **Had ‘Sariqah’ gugur disebabkan selain rukun dan syarat**

Sekiranya rukun dan syarat ‘sariqah’ sudah dipenuhi dan dibuktikan dengan pembuktian yang boleh disabitkan dengan hukuman *had* seperti ikrar tertuduh atau kesaksian dua orang syahid selain keterangan mangsa, pelaksanaan hukuman *had* juga masih tertakluk kepada perkara-perkara berbangkit yang boleh menggugurkan hukuman *had* seperti yang diperuntukkan dalam jadual 6 berikut:

**Jadual 6: Elemen Selain Rukun Dan Syarat Yang Boleh Menggugurkan Had ‘Sariqah’ Dalam PKHJS, 2013**

<b>Elemen selain rukun dan syarat</b>	<b>Peruntukan</b>
Pembuktian	Bab 56(m) kesaksian syahid dicabar dengan bantahan munasabah 56(l) Pemilik nafikan sebagai pemilik harta selepas tertuduh melakukan ikrar
Rukun al-Syarie	Bab 56(n) Tidak ada hukuman had dilaksanakan ketika kes ‘sariqah’ berlaku
Pelaksanaan Hukuman	Bab 56(p) Tangan kudung, terpotong, atau tidak berfungsi

(Sumber: PKHJS, 2013)

Bab 56(m), meliputi keadaan di mana kesaksian syahid dipertikai dengan bantahan munasabah menurut syara’, sebagai contoh proses *tazkiyah syuhud* belum dilaksana atau tetuduh mengemukakan bukti menunjukkan keraguan sifat keadilan syahid. Bab 56(n) menyatakan keadaan tiada peruntukan *had* dapat dilaksanakan ketika berlaku ‘sariqah’ kerana salah satu rukun umum jenayah adalah rukun al-syarie’ di mana sesuatu kesalahan memerlukan perundangan bertulis dan terpakai untuk membolehkan ianya dilaksanakan (Paizah Ismail. 2008:14). Manakala dalam keadaan ketiadaan anggota yang wajib dipotong seperti dalam bab 56(n), para ulama sepakat mengatakan *had* tidak akan dikenakan jika berlaku kecacatan anggota yang wajib dipotong selepas berlaku ‘sariqah’ dan tidak harus dipindah kepada kaki kirinya (al-Ansari.1313H:153). Perkara-perkara ini menggambarkan bahawa di sebalik hukuman *had* yang agak keras, masih terdapat kelonggaran hukuman ini tidak dilaksanakan kerana matlamat perundangan Islam sebenar bukan untuk menghukum semata-mata tetapi untuk menghindar jenayah dan menegakkan keadilan untuk kemaslahatan manusia sejagat.

## Kesimpulan

Peruntukan yang terdapat dalam bab ‘sariqah’ secara umumnya menyatakan kewujudan rukun dan syarat sebagai elemen asas pensabitan jenayah ‘sariqah’ dan hukumannya walaupun tidak dijelaskan dalam rupa bentuk yang terdapat dalam kitab-kitab fiqh. Elemen-elemen asas ini perlu difahami dengan baik, dengan meraikan pendapat mazhab ulama sebagai pilihan serta panduan kita untuk mengaplikasikannya dengan permasalahan jenayah ‘sariqah’ dalam konteks masa kini, di samping memperbanyak diskusi dan perbincangan secara *ijtihad jamaie* dalam sama-sama berusaha mendukung pelaksanaan undang-undang jenayah Islam di Brunei dapat mencapai matlamat keadilan yang sebenar.

## Rujukan

- Abdul Karim Zaidan, Dr. (2012). *al-Mufassal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim*. Beirut: Muassasah al-Risalah Nashirun. Cetakan keempat. Jilid 5.
- Abdul Qadir ‘Audah. (1997). *al-Tasyrie’ al-Jina’ie al-Islamiyy*. Beirut: Muassasah al-Risalah: Beirut. Cetakan keempat belas.
- Ahmad Fathi Bahnasi. (1983). *Al-Jaraim fi al-Fiqh al-Islamiyy Dirasat Fiqhiyyah Muqaranah*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Ahmad Taufik al-Ahwal, Dr. (1984). *‘Uqubah al-Sariq baina al-Qati’e wa Daman al-Masruq fi al-Fiqh al-Islamiy*. Riyadh: Dar al-Huda. Cetakan pertama.
- Al-Ansari. Abu Yahya Zakaria. (1313H). *Asna al-Matalib Sharh Raud al-Talib*. Kaherah: al-Matba;ah al-Maimaniyyah. Jilid 4.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Abidin. (2011). *Radd al-Muhtar ala al-Dur al-Mukhtar*. (al-Syeikh adel Ahmad’Abd al-Mawjud & al-Syeikh Ali Muhammad al-Mu’awwad pnyt.). Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah. Cetakan ketiga.
- Ibn al-Humam, Kamaluddin Muhammad bin Abdul Wahid. (t.t). *Syarh Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 5.
- Ibn Rushd. Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad. (2013). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Muskat: Wizarah al-Auqaf wa al-Syu’un al-Diniyyah. Cetakan pertama. Jilid enam.
- Al-Kasani, ‘Alauddin Abu Bakr bin Mas’ud. (1996). *Bada’ie al-Sana’ie fi Tartib al-Syara’ie*. Cetakan pertama. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 7.
- Khatib al-Sharbini, Shamsuddin Muhammad bin Muhammad. (t.t). *Mughni al-Muhtaj ila Ma’rifat Ma’ani Alfaż al-Minhaj*. Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah. Jilid 5.
- Mat Saad Abd.Rahman. (2005). *Undang-undang Jenayah Islam Jenayah Hudud*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam. Cetakan kelima.
- Mohd. Shukri Hanapi & Mohd. Tajul Sabki Abdul Latib. (2003). *Kamus Istilah Undang-Undang Jenayah Syari’ah (Hudud, Qisas dan Ta’zir)*. Pulau Pinang: Islamic Development Management Project.
- Muaffiq al-Din Abi Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah al-Maqdasi. 2005). *Al-Mughni’*. Riyadh: Dar al-‘Alim al-Kutub. Jilid 26. Cetakan kedua.
- Paizah Haji Ismail. (2008). *Undang-Undang Jenayah Islam*. Cetakan kelima. Selangor: Tradisi Ilmu Sdn Bhd.
- Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, Yang Berhormat (17hb Mei, 2011). *Perundangan Negara Brunei Darussalam*. Di dalam Ucaptama Perasmian Seminar Isu-Isu Kontemporari Dalam Syariah dan Undang-Undang. Bandar Seri Begawan: UNISSA.
- Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Yang Amat Arif. (2017). *Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah di*

*Negara Brunei Darussalam.* Dalam Kuliah Melayu Islam Beraja di Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada 15hb Januari 2017.

Al-Ramli, Muhammad bin Abu al-‘abbas Ahmad bin Hamzah bin Syihabuddin al-Ramli. (1292H). *Nihayat al-Muhtaj Ila Syarh al-Minhaj*. Kaherah: Matba’ah al-amiriyat Bi Bulaq.

Utusan Online. (1hb April 2019). *Brunei Pertahan Hak Laksana Hudud*. [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my). Diakses pada 20April 2019).

Al-Zuhaili, Wahbah. (1997). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikri. Jilid 7.

### **Statut**

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.